

Berdoa untuk Negara:

1. Berdoa untuk keharmonian kaum di Malaysia

- Keharmonian di antara kaum adalah prospek yang ingin dicapai oleh setiap negara. Untuk mencapai keharmonian kaum, penduduk-penduduknya harus saling mempercayai dan menghormati. Namun, tanpa kasih Allah, kita tidak dapat mempercayai dan menghormati "jiran". Berdoa agar Tuhan memberi anda kasih Allah, untuk mempercayai dan menghormati suku etnik, latar belakang, agama dan budaya yang berbeza.
- Kadang-kadang, ketegangan di antara hubungan etnik muncul akibat daripada hasutan daripada segelintir orang di belakang. Mungkin atas kepentingan peribadi, mereka sengaja membangkitkan ketegangan antara orang ramai. Berdoa belas kasihan Allah atas golongan ini. Berdoa juga pihak Perundangan dapat mengendalikannya dengan adil dan benar serta tidak membiarkan rancangan mereka berjaya.
- Di atas tanah Malaysia ini, setiap budaya etnik sudah saling mempengaruhi dan belajar daripada satu sama lain serta menyumbang sesama. Kita harus mempunyai satu pemikiran bahawa kita boleh mempertahankan budaya kita, tetapi kita tidak boleh meremehkan budaya orang lain. Berdoalah untuk hal ini, biarlah semua kaum boleh berbangga sebagai rakyat Malaysia, dan bukan berbangga kerana kita adalah "kumpulan etnik tertentu".

2. Berdoa untuk keamanan sosial negara

- Keamanan sosial ialah satu hal yang diharapkan oleh setiap orang. Perkembangan dan ekonomi negara amat bergantung kepada masyarakat yang stabil dan aman. Boleh dikatakan tanpa keamanan sosial, pembangunan negara akan terbantut. Pelaburan asing tidak akan masuk dan mengakibatkan kerugian ekonomi yang serius. Berdoa untuk keamanan sosial Malaysia, biarlah Allah mencurahkan damai sejahtera Allah ke atas tanah ini.
- Berdoa untuk kes menembak yang banyak berlaku tahun ini. Khususnya dalam gerakan kawalan senjata api, memohon kiranya Tuhan mematahkan semua kes yang haram.
- Polis ialah pihak berkuasa yang utama dalam menjaga keamanan sosial negara. Polis perlu menghadapi sebarang kes berlaku di negara ini, mengambil tindakan segera dan positif untuk menyelesaikannya. Kita harus berdoa untuk pihak polis, supaya mereka dijauhkan daripada ancaman pihak jahat. Kurniakan keberanian dan hati cintakan rakyat, supaya mereka setia memegang tanggungjawab untuk mengekalkan keamanan sosial. Berdoa juga untuk kecekapan mereka dalam menjalankan tugas, memohon TUHAN membantu mereka untuk berdepan dengan kes yang dilaporkan, tanpa mengira berat ringan kes tersebut, agar mereka dapat berkhidmat dengan sikap yang positif.
- Mengekalkan kestabilan masyarakat bukan hanya bergantung kepada polis sahaja, tetapi lebih kerapnya ia berkaitan dengan kita sendiri. Kita harus sentiasa diingatkan untuk bekerjasama dengan pihak polis. Bila ada hal berlaku, kita mengkritik pihak polis, tetapi selalunya masalah utama ialah kita rakyat sendiri, kerana hanya berpeluk tubuh sahaja. Berdoa untuk rakyat Malaysia supaya bersedia untuk bekerjasama dengan pihak polis bagi memerangi kes jenayah.

3. Berdoa untuk pembangunan negara

- Malaysia mempunyai banyak sumber, gas asli, petroleum, arang batu dan sebagainya. Setiap tahun, ia menghasilkan banyak sumber pendapatan kepada Malaysia. Namun, sumber-sumber ini akan habis suatu hari. Pada masa itu, apakah yang Malaysia akan bergantung, untuk memberi pulangan tukaran asing? Kita berdoa khusus untuk pihak kerajaan, ketika menggunakan sumber-sumber ini, mereka juga bersedia meneroka cara-cara yang lain untuk mengurangkan pergantungan kepada sumber-sumber tersebut.

- Malaysia berada dalam negara-negara dunia ketiga. Sering kali, demi pembangunan dan dapat bersaing dengan dunia, maka ia mengabaikan keseimbangan alam semula jadi, mengakibatkan kerosakan kepada alam sekitar. Kebelakangan ini, dengan kadar penebangan hutan yang sangat tinggi kerana pembangunan, banyak hutan telah dimusnahkan. Apabila hutan dimusnahkan, ekosistem keseluruhan akan terjejas. Contoh, kerajaan Sarawak yang membenarkan pembinaan empangan yang banyak. Kita berdoa agar Kerajaan akan mencari strategi yang mengurangkan kerosakan kepada alam sekitar, ketika melaksanakan pembangunan.
- Setiap tahun, Malaysia mempunyai rancangan pembangunan, namun rancangan tersebut banyak bertumpu kepada bandar-bandar besar atau ibukota.
- Pembangunan tidak hanya dalam bentuk luaran yang memberikan imej betapa majunya negara kita, tetapi lebih mementingkan kualiti kemanusiaan. Kerap kali semasa kita dalam pembangunan, kita mengabaikan pemupukan kualiti kemanusiaan, akhirnya mengakibatkan keruntuhan akhlak. Berdoa untuk kerajaan kita, agar ketika membuat pembangunan, mereka juga akan menitikberatkan pemupukan kualiti kemanusiaan. Kita inginkan rakyat Malaysia yang berakhlak dan berperikemanusiaan.